

Bil. S 13

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2009

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 3 dari Penggal 35.
3. Pemasukan bab 6A baru.
4. Pemasukan bab 11E baru.
5. Pindaan bab 16.
6. Pemasukan bab 16B baru.
7. Pindaan bab 30.
8. Pindaan bab 35.
9. Pindaan bab 37A.
10. Pindaan bab 52.
11. Pemasukan bab 52A baru.
12. Pemasukan bab 55C baru.
13. Pindaan bab 60.
14. Pindaan bab 62.
15. Pindaan bab 70.
16. Pindaan bab 76.
17. Pindaan bab 77A.
18. Pindaan bab 78.

- 19 Pindaan bab 79.
 - 20. Pindaan bab 80.
 - 21. Pemasukan bab 80A baru.
 - 22. Penggantian bab 84.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2009.

Pindaan bab 3 dari Penggal 35.

2. Bab 3 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(5) Tiada tindakan boleh dibawa terhadap Pemungut, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan Pemungut berkaitan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Akta ini."

Pemasukan bab 6A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 6 —

"Perkhidmatan elektronik.

- 6A. (1) Pemungut boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik bagi —

(a) pemfailan atau pengemukaan sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen; atau

(b) penyampaian sebarang notis oleh Pemungut.

(2) Bagi maksud-maksud perkhidmatan elektronik itu, Pemungut boleh memberikan kepada mana-mana orang —

(a) suatu kod pengesahan; dan

(b) suatu akaun dengan perkhidmatan elektronik itu.

(3) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk memfailkan atau mengemukakan sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen boleh berbuat demikian melalui perkhidmatan elektronik itu.

(4) Mana-mana ejen yang dibenarkan oleh prinsipalnya dengan cara yang ditetapkan boleh memfailkan atau mengemukakan sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen bagi pihak prinsipalnya melalui perkhidmatan elektronik itu.

(5) Jika sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen difailkan atau dikemukakan bagi pihak mana-mana orang di bawah cerai (4) —

(a) ia hendaklah dianggap telah difailkan atau dikemukakan dengan autoriti orang itu; dan

(b) orang itu hendaklah dianggap sebagai mengetahui semua perkara di dalamnya.

(6) Jika sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen difailkan atau dikemukakan melalui perkhidmatan elektronik itu dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada mana-mana orang sebelum orang itu memohon, dengan cara yang ditetapkan, bagi pembatalan kod pengesahan itu —

(a) penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen itu hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, dianggap telah difailkan atau dikemukakan oleh orang itu melainkan jika dia mengemukakan keterangan yang bertentangan; dan

(b) jika orang itu mengatakan bahawa dia tidak memfailkan atau mengemukakan penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen itu, beban adalah terletak kepadanya untuk mengemukakan keterangan mengenai hal itu.

(7) Jika mana-mana orang telah memberikan persetujuannya supaya sebarang notis disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik itu, Pemungut boleh menyampaikan notis itu kepada orang itu dengan menghantar suatu rekod elektronik mengenai notis itu kepada akaun orang itu dengan perkhidmatan elektronik itu.

(8) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, dalam sebarang prosiding di bawah Akta ini —

(a) suatu rekod elektronik mengenai sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen yang difailkan atau dikemukakan, atau sebarang notis yang telah disampaikan, melalui perkhidmatan elektronik itu; atau

(b) sebarang salinan atau cetakan rekod elektronik itu,

boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan atau terkandung di dalamnya jika rekod elektronik, salinan atau cetakan itu —

(i) disahkan oleh Pemungut mengandungi semua atau apa-apa maklumat yang difailkan, dikemukakan atau disampaikan melalui perkhidmatan elektronik itu menurut bab ini; dan

(ii) telah disahkan dengan cara yang dinyatakan dalam ceraian (10) atau selainnya disahkan dengan cara yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan (Penggali 108) bagi pengesahan output komputer.

(9) Bagi mengelakkan keraguan —

(a) suatu rekod elektronik mengenai sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen yang telah difailkan atau dikemukakan, atau sebarang notis yang telah disampaikan, melalui perkhidmatan elektronik itu; atau

(b) sebarang salinan atau cetakan rekod elektronik itu,

tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya kerana penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen itu telah difailkan atau dikemukakan, atau notis itu telah disampaikan, tanpa penyerahan sebarang dokumen yang sama atau kaunterpart dalam bentuk kertas.

(10) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu perakuan —

(a) yang memberikan butir-butir mengenai —

(i) mana-mana orang yang kod pengesahannya digunakan untuk memfailkan, mengemukakan atau menyampaikan penyata, anggaran, pernyataan, dokumen atau notis itu; dan

- (ii) mana-mana orang atau peranti yang terlibat dalam pengeluaran atau penghantaran rekod elektronik itu bagi penyata, anggaran, pernyataan, dokumen atau notis itu, atau salinan atau cetakannya;

(b) yang mengenalpasti jenis rekod elektronik itu atau salinannya; dan

(c) yang dikatakan telah ditandatangani oleh Pemungut atau seseorang yang menduduki jawatan yang bertanggungjawab berkenaan dengan pengendalian perkhidmatan elektronik itu pada masa yang berkaitan,

adalah keterangan yang mencukupi bahawa rekod elektronik, salinan atau cetakan itu telah disahkan, melainkan jika mahkamah meminta keterangan lanjut mengenai isu ini.

(11) Jika rekod elektronik bagi sebarang penyata, anggaran, pernyataan, dokumen atau notis, atau satu salinan atau cetakan rekod elektronik itu, boleh diterima sebagai keterangan di bawah cerai (8), adalah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa rekod elektronik, salinan atau cetakan itu mengeluarkan semula dengan tepat isi kandungan dokumen itu.

(12) Pemungut boleh, bagi maksud-maksud perkhidmatan elektronik itu, membenarkan penggunaan apa-apa simbol, kod, singkatan atau notasi untuk menggambarkan apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta ini.

(13) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi melaksanakan maksud-maksud bab ini, termasuk peraturan-peraturan yang menetapkan —

(a) prosedur bagi penggunaan perkhidmatan elektronik itu, termasuk prosedur dalam hal keadaan jika terdapat kerosakan atau gangguan perkhidmatan elektronik itu;

(b) prosedur bagi pembetulan kesilapan dalam, atau pindaan kepada, sebarang penyata, anggaran, pernyataan atau dokumen yang difaillkan atau dikemukakan melalui perkhidmatan elektronik itu;

(c) cara bagaimana seseorang yang telah memberikan persetujuannya supaya suatu notis disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik itu diberitahu tentang penghantaran suatu rekod elektronik bagi notis itu kepada akaunnya dengan perkhidmatan elektronik itu;

- (d) cara bagaimana kod-kod pengesahan hendak diberikan; dan
- (e) apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah bab ini."

Pemasukan bab 11E baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 11D —

"Potongan tambahan bagi caruman kepada Tabung Amanah Pekerja.

11E. Jika Pemungut berpuas hati bahawa seseorang majikan telah membuat suatu caruman kepada Tabung Amanah Pekerja (Employee Trust Fund) yang ditubuhkan di bawah bab 6 dari Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggali 167) berkaitan dengan mana-mana pekerjaannya, maka hendaklah diberikan kepada majikan itu potongan tambahan bagi jumlah caruman itu selain dari potongan yang diberikan di bawah bab 11."

Pindaan bab 16.

5. Bab 16(1) dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong "satu per lima" dari baris keenam dan menggantikannya dengan "40%";

(b) dengan memotong "1946" dari baris kesembilan dan menggantikannya dengan "2009".

Pemasukan bab 16B baru.

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 16A —

"Elaun hapus kira 3 tahun bagi jentera dan loji, dan hapus kira 100% bagi komputer, kelengkapan automasi pejabat yang ditetapkan dll.

16B. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 16, jika seseorang itu yang menjalankan suatu perdagangan, profesion atau perniagaan melakukan perbelanjaan modal dalam menyediakan jentera atau loji bagi maksud-maksud perdagangan, profesion atau perniagaan itu, dia adalah, sebagai ganti elaun yang diperuntukkan oleh bab 16, berhak mendapat suatu elaun tahunan sebanyak 33 $\frac{1}{3}$ % bagi tempoh selama 3 tahun berkaitan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan.

(2) Dengan tidak menghiraukan bab 16, jika seseorang itu membuktikan sehingga memuaskan hati Pemungut bahawa dia telah memasang suatu komputer atau kelengkapan automasi lain yang ditetapkan bagi maksud-maksud suatu perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya, dia adalah berhak, sebagai ganti elaun yang diperuntukkan oleh cerai (1) atau bab 16, jika dia memilih demikian, mendapat suatu elaun sebanyak 100% berkaitan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan dalam menyediakan komputer atau kelengkapan automasi itu.

(3) Dengan tidak menghiraukan bab 16 dan tertakluk kepada cerai (4), jika seseorang itu membuktikan sehingga memuaskan hati Pemungut bahawa dia telah melakukan perbelanjaan modal tidak melebihi \$2,000 dalam menyediakan sebarang butiran jentera atau loji bagi maksud-maksud suatu perdagangan, profesion atau perniagaan yang dijalankan olehnya, dia adalah berhak, sebagai ganti elaun yang diperuntukkan oleh cerai (1) atau bab 16, jika dia memilih demikian, mendapat suatu elaun —

(a) sebanyak 100% berkaitan dengan perbelanjaan modal itu; atau

(b) jika elaun-elaun telah dibuat di bawah cerai (1) atau bab 16 bagi mana-mana tahun taksiran sebelumnya di bawah cerai (4), bagi amaun perbelanjaan modal yang masih belum diberikan.

(4) Amaun agregat bagi elaun-elaun yang dituntut oleh mana-mana orang di bawah cerai (3) bagi mana-mana tahun taksiran tidak boleh melebihi \$30,000; dan elaun-elaun boleh dibuat di bawah cerai (1) atau bab 16 berkaitan dengan sebarang perbelanjaan modal yang masih belum diberikan.

(5) Tiada elaun boleh dibuat di bawah cerai (3) berkaitan dengan sebarang butiran jentera atau loji yang diperolehi di bawah suatu perjanjian sewa beli dan kos asal butiran jentera atau loji itu melebihi \$2,000.

(6) Sebarang tuntutan elaun oleh seseorang berkaitan dengan mana-mana jentera atau loji di bawah bab ini bagi mana-mana tahun taksiran tidak boleh ditolak hanya kerana orang itu belum menggunakan jentera atau loji itu pada penghujung tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(7) Sebarang tuntutan elaun di bawah bab ini hendaklah dibuat pada masa menyerahkan penyata pendapatan bagi tahun-tahun taksiran yang berkaitan atau dalam tempoh masa yang selanjutnya sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pemungut.

(8) Jika sebarang elaun telah dituntut dan dibenarkan di bawah bab ini bagi mana-mana tahun taksiran, tiada elaun boleh dibuat dalam mana-mana tahun taksiran yang berikutnya di bawah bab 16 berkaitan dengan perbelanjaan tersebut.

(9) Tertakluk kepada cerai (3), jika sebarang elaun telah dituntut dan dibenarkan di bawah bab 16 berkaitan dengan sebarang perbelanjaan, tiada elaun boleh dibuat, kecuali dengan kebenaran Menteri dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, dalam mana-mana tahun taksiran yang berikutnya di bawah bab ini berkaitan dengan amaun perbelanjaan itu yang masih belum dibenarkan di bawah bab 16.

(10) Bab ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana jentera atau loji yang diperolehi pada atau selepas 1hb Januari 2009."

Pindaan bab 30.

7. Bab 30 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (1) —

"(1A) Bagi maksud-maksud bab ini, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini atau Perintah Galakan Pelaburan, 2001 (S 48/01), jika sesebuah syarikat yang pendapatannya, jika ada, adalah tertakluk kepada cukai pada kadar-kadar cukai yang berlainan bagi mana-mana tahun taksiran, Pemungut hendaklah menguntukkan sebarang jumlah wang yang dibenarkan antara kadar-kadar cukai yang berlainan itu atas asas yang dianggapnya munasabah."

Pindaan bab 35.

8. Bab 35 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

(i) dalam perenggan (b) —

(A) dengan memotong "dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya" dari baris pertama dan kedua;

(B) dengan memotong koma dan menggantikannya dengan koma bernoktah;

(ii) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

"(c) tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tiap-tiap syarikat, cukai pada kadar 23.5%,";

(b) dalam cerai (2)(b), dengan memotong ", (b) dan (d)" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "dan (b)";

(c) dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (2) —

"(2A) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam Akta ini, cukai pada kadar 10% hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas amaun kasar sebarang pendapatan yang disebut dalam bab 9(5)(d) yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam pada atau selepas 1hb Januari 2009 oleh mana-mana orang dari sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya yang dilaksanakan atau dijalankan olehnya di Negara Brunei Darussalam dan yang sebenarnya tidak ada kaitannya dengan mana-mana bangunan tetap orang itu di Negara Brunei Darussalam.";

(d) dengan memasukkan 2 cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (6) —

"(6A) Kadar cukai di bawah cerai (1)(c) tidak boleh dikenakan kepada mana-mana bahagian pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi mana-mana syarikat yang dikaitkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh syarikat itu pada atau sebelum 1hb Januari 2009 dan kadar cukai di bawah cerai-cerai (1)(a) atau (b), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan kepada bahagian pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu bagi syarikat tersebut.

(6B) Bagi maksud-maksud cerai (6A), tanpa menjejaskan bab 28, Pemungut boleh membuat pelarasan yang dianggapnya bersesuaian, termasuk pengiraan atau pengiraan semula laba atau keuntungan mana-mana syarikat, untuk menguatkuasakan cerai itu."

Pindaan bab 37A.

9. Bab 37A dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah ", dan sebutan kepada 20 peratus dalam baris keempat dalam bab 37(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada kadar yang dinyatakan dalam bab-bab 35(2), (2A) atau (3), mengikut mana yang berkenaan".

Pindaan bab 52.

10. Bab 52 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Pemungut" dalam baris pertama;

(b) dengan memasukkan "atau masa yang dilanjutkan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pemungut" sejurus selepas "masa yang munasabah" dalam baris ketiga;

(c) dengan menambah 2 cerai baru yang berikut —

"(2) Pemungut boleh, dalam sebarang notis yang dibuat di bawah cerai (1), mengecualikan dari liabiliti untuk memberikan penyata kepada golongan orang yang tidak bertanggung untuk membayar cukai sebagaimana yang difikirkannya patut, dan mana-mana orang yang dikecualikan itu tidak perlu memberikan suatu penyata di bawah cerai itu melainkan jika dia dikehendaki oleh Pemungut untuk berbuat demikian di bawah cerai (3).

(3) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), Pemungut boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang untuk memberikan kepadanya dalam bentuk dan cara dan dalam masa yang munasabah sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya, suatu penyata pendapatan dan butir-butir sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi maksud untuk menentukan pendapatan, jika ada, yang boleh dicukai bagi orang itu di bawah Akta ini."

Pemasukan bab 52A baru.

11. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 52 —

"Memberikan anggaran pendapatan yang boleh dicukai jika penyata tiada dibuat di bawah bab 52.

52A. (1) Tiap-tiap orang yang melaksanakan atau menjalankan sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya yang belum membuat suatu penyata di bawah bab 52 bagi mana-mana tahun taksiran hendaklah, dalam masa 3 bulan selepas penghujung tempoh perakaunan berkenaan dengan tahun taksiran itu, memberikan kepada Pemungut suatu anggaran pendapatannya yang boleh dicukai.

(2) Mana-mana orang yang tidak atau lalai tanpa alasan yang munasabah memberikan anggaran pendapatannya yang boleh dicukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan."

Pemasukan bab 55C baru.

12. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 55B —

"Tidak mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Pemungut.

55C. Dengan tidak menghiraukan bab 78, mana-mana orang yang tidak atau lalai tanpa alasan yang munasabah mematuhi sebarang notis yang dikeluarkan oleh Pemungut di bawah bab-bab 54, 55, 55A atau 55B adalah melakukan suatu kesalahan."

Pindaan bab 60.

13. Bab 60 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(3) Jika suatu penyata berkenaan dengan perkongsian itu bagi mana-mana tahun taksiran belum dibuat, orang yang dikehendaki untuk membuat penyata itu di bawah cerai-cerai (1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, dalam masa 3 bulan selepas penghujung tempoh perakaunan berkenaan dengan tahun taksiran itu, memberikan kepada Pemungut suatu anggaran pendapatan dari semua sumber perkongsian itu, dan nama-nama dan nombor-nombor pengenalan semua rakan kongsi

berserta dengan amaun bahagian pendapatan yang setiap rakan kongsi berhak terhadapnya bagi tahun itu."

Pindaan bab 62.

14. Bab 62 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Jika" dalam baris pertama;

(b) dengan menambah 2 cerai baru yang berikut —

"(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), jika, pada pendapat Pemungut, sebarang bentuk penipuan atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berhubung atau berkenaan dengan cukai, dia boleh, bagi maksud mendapatkan sebarang kehilangan cukai disebabkan oleh penipuan atau keingkaran sengaja, menilai orang itu pada bila-bila masa.

(3) Bab ini hendaklah juga dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada sebarang taksiran yang dibuat di bawah cerai-cerai (1) atau (2) yang menyebabkan sebarang elaun atau kehilangan tidak diserapkan."

Pindaan bab 70.

15. Bab 70 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Tertakluk" dalam baris pertama;

(b) dengan memotong noktah bertindih dari baris kelima dan menggantikannya dengan noktah;

(c) dengan memotong proviso;

(d) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(2) Pemungut boleh, atas budi bicaranya dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat, termasuk pengenaan faedah, sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, melanjutkan had masa pembayaran yang akan dibuat."

Pindaan bab 76.

16. Bab 76 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,".

Pindaan bab 77A.

17. Bab 77A dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Tiap-tiap" dalam baris pertama;

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(2) Sebarang notis atau proses yang diberikan atau disampaikan kepada mana-mana orang dengan mengesposnya atau satu salinannya dengan pos berdaftar kepadanya di alamatnya yang terakhir diketahui hendaklah, dengan tidak menghiraukan bab 6(3), dianggap telah sempurna diberikan atau disampaikan dan adalah keterangan muktamad tentang fakta penyampaian.".

Pindaan bab 78.

18. Bab 78 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah 2 cerai baru yang berikut —

"(4) Jika mana-mana orang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab 55C dan sabitan tersebut adalah sabitan kedua atau berikutnya berkaitan dengan maklumat yang sama yang dikehendaki bagi tempoh yang sama, dia hendaklah dikenakan penalti tambahan sebanyak \$50 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

(5) Jika mana-mana orang telah disabitkan atas suatu kesalahan kerana tidak mematuhi sebarang peruntukan bab-bab 52 atau 60 dan sabitan tersebut adalah sabitan kedua atau berikutnya berkaitan dengan tahun taksiran yang sama, dia hendaklah dikenakan penalti tambahan sebanyak \$50 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.".

Pindaan bab 79.

19. Bab 79 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (1) —

"(2) Tiap-tiap orang yang tanpa alasan yang munasabah atau kerana kecuai —

(a) membuat suatu penyata yang tidak betul dengan tidak memasukkan atau menyatakan sebarang pendapatan yang kurang dari yang sebenarnya di mana dia dikehendaki oleh Akta ini untuk membuat suatu penyata; atau

(b) memberi sebarang maklumat yang tidak betul berkenaan dengan sebarang perkara yang menyentuh liabilitinya sendiri untuk membayar cukai atau liabiliti mana-mana orang lain atau suatu perkongsian,

adalah melakukan suatu kesalahan, jika disabitkan atas kesalahan itu, dia hendaklah membayar suatu penalti yang bersamaan dengan dua kali amaun cukai yang telah dinyatakan kurang dari yang sebenarnya kerana penyata atau maklumat yang tidak betul, atau yang mungkin telah dinyatakan kurang dari yang sebenarnya jika penyata atau maklumat itu telah diterima sebagai betul, dan hendaklah juga dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali."

Pindaan bab 80.

20. Bab 80 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (2) —

"(2A) Jika seseorang individu telah disabitkan atas —

(a) 3 kesalahan atau lebih di bawah bab ini; atau

(b) satu kesalahan di bawah bab ini dan satu kesalahan di bawah bab 80A,

hukuman penjara yang boleh dijatuhkan kepadanya hendaklah tidak kurang dari 6 bulan."

Pemasukan bab 80A baru.

21. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 80 —

"Mengelakkan cukai dengan penipuan yang serius.

80A. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja bertujuan hendak mengelakkan atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelakkan cukai —

(a) menyediakan atau menyelenggarakan atau membenarkan penyediaan atau penyelenggaraan sebarang buku akaun atau rekod lain palsu atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan sebarang buku akaun atau rekod; atau

(b) menggunakan sebarang penipuan, muslihat atau helah atau membenarkan penggunaan sebarang penipuan, muslihat atau helah tersebut,

adalah melakukan suatu kesalahan, jika disabitkan atas kesalahan itu, dia hendaklah membayar suatu penalti sebanyak 4 kali amaun cukai yang telah dinyatakan kurang dari yang sebenarnya kerana kesalahan itu atau yang mungkin telah dinyatakan kurang dari yang sebenarnya jika kesalahan itu tidak dikesan, dan hendaklah juga dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika seseorang individu telah disabitkan atas —

(a) 2 kesalahan atau lebih di bawah bab ini; atau

(b) satu kesalahan di bawah bab ini dan satu kesalahan di bawah bab 80,

hukuman penjara yang boleh dijatuhkan kepadanya hendaklah tidak kurang dari 6 bulan.

(3) Jika dalam sebarang prosiding di bawah bab ini adalah dibuktikan bahawa apa-apa pernyataan atau catatan palsu dibuat dalam sebarang buku akaun atau rekod lain yang diselenggarakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang, maka orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan dan catatan palsu itu dengan tujuan hendak mengelakkan cukai.

(4) Pemungut boleh mengkompaun sebarang kesalahan di bawah bab ini dan boleh sebelum penghakiman menangguhkan atau mengkompaun sebarang prosiding di bawahnya."

Penggantian bab 84.

22. Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan bab 84 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

"Bidang kuasa mahkamah.

84. Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan yang berlawanan dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal 7) atau dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan di bawah Akta ini dan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti penuh atau hukuman berkaitan dengan kesalahan itu."

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 23 haribulan Mac, 2009 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM